

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni ke arah "soaking upwards"

UB 21.4.2016 B3



JABATAN Hal Ehwal Pelajar dan Alumni menganjurkan Bengkel Pemantapan Fungsi dan KPI Jabatan yang telah diadakan selama dua hari bermula pada 15 April dan berakhir pada 16 April bertempat di Bongawan Golf Resort.

Objektif utama bengkel berkenaan adalah untuk memantapkan fungsi HEPA, menilai semula pencapaian KPI dan mengukuhkan kerjasama antara Jabatan, Pusat dan Bahagian yang terdapat di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Melalui bengkel ini,



PESERTA yang mengambil bahagian dalam bengkel pemantapan.

pembentangan penetapan fungsi setiap Jabatan/ Pusat/Bahagian/Sektor disampaikan oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Azmi Jumat.

Beliau menerangkan fungsi dan penetapan setiap J/P/B/S serta Pembentangan GE dan Graduan Holistik, Usahawanan dan Seimbang

disampaikan oleh Pengarah Pusat Alumni Mohd Hj. Raffie Janau dan pembentangan terakhir mengenai Takwim dan aktiviti Majlis-Majlis Timbalan Naib Canselor HEPA, Alumni dan Sukan dibentangkan oleh Pengarah Pusat Sukan Mohd Asyraff dan Ketua Bahagian

Pembangunan Pelajar Kim Asbiyallah.

Turut hadir dalam bengkel itu, Timbalan Naib Canselor Prof. Madya Dr. Ismail Ali membuat rumusan mengenai bengkel ini agar semua aktiviti dibuat berdasarkan kualiti bukan pada kuantiti selaras dengan penjimatatan

universiti.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) berharap agar kesemua pegawai Hal Ehwal Pelajar dan Alumni mengekalkan momentum kerja yang tidak mengira siang ataupun malam demi melahirkan pelajar yang seimbang dan holistik.